

Identiti Masyarakat Thai di Langkawi dan Satun dari Perspektif Geolinguistik

Thai Community Identity in Langkawi and Satun from a Geolinguistic Perspective

*SITI NORAINI HAMZAH¹

NOR HASHIMAH JALALUDDIN²

ADRIANA SANTA TINGGOM³

¹Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Persatuan Linguistik Malaysia (PLM), Aras 5, Wisma DBP, Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur, Malaysia

³Kulliyyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages, International Islamic University
Malaysia (IIUM) Pagoh Edu Hub, KM 1, Jalan Panchor, 84600 Pagoh, Muar, Johor, Malaysia

*Corresponding author: snoraini@ukm.edu.my

Published online: 26 May 2025

To cite this article: Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin and Adriana Santa Tinggom. 2025. Identiti masyarakat Thai di Langkawi dan Satun dari perspektif geolinguistik. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 32(1): 167–191. <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.1.9>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.1.9>

Abstract. *Space plays an important role in sustaining the human life. Topographic factors such as rivers, fertile lowlands and highlands become the main attractions for a community that wants to form a new settlement and its identity. No rigid demarcation line could stop the community from migrating to other settlements. We can also observe the distribution of language or dialects in this settlement. It can be either a monolingual community and/or a mixture of dialects and languages simultaneously. This study examines Malay Satun's dialect in Langkawi and Malay Satun in Thailand. This study adopts fieldwork research to garner substantial data. The respondents are the elderly, adults and adolescents who can provide primary data. Then, the data are transcribed and analysed based on the Geographic Information System (GIS). The four selected lexicons are “water”, “pillow”, “coconut” and “sharp”. The findings proved that the socio-cultural elements, history, migration, education and demarcation factors influence the dissemination of both dialects. The mobility of these two communities has shown a mixture of both dialects with high*

intelligibility even though they came from different regions. In addition, this study creates an innovation in the dialectology discipline as the GIS employed has successfully produced a new isogloss of the Malay dialects in both regions.

Keywords and phrases: *identity, dialect distribution, Malay Satun dialect, Satun Thai dialect, Geographic Information System (GIS)*

Abstrak. Ruang memainkan peranan penting dalam kesinambungan hidup manusia. Topografi seperti sungai, tanah pamah yang subur dan tanah tinggi menjadi tarikan utama untuk sesebuah komuniti membentuk petempatan baharu dan identiti mereka. Malah, tiada persempadanan tegar yang boleh menghalang sesebuah komuniti untuk berpindah ke kawasan lain. Sehubungan itu, kita boleh memerhatikan penyebaran bahasa atau dialek di petempatan ini. Hal ini boleh membentuk sama ada komuniti monolingual dan/atau percampuran dialek dan bahasa pada masa yang sama. Kajian ini meneliti dialek Melayu Satun di Langkawi dan dialek Melayu di Satun, Thailand. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan untuk membolehkan data yang mencukupi dikumpul. Responden terdiri daripada warga tua, dewasa dan remaja yang boleh membekalkan data primer. Data tersebut kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis berasaskan *Geographic Information System* (Sistem Maklumat Geografi, GIS). Empat leksikon telah terpilih iaitu “air”, “bantak”, “kelapa” dan “tajak”. Dapatan kajian membuktikan bahawa penyebaran kedua-dua dialek dipengaruhi oleh elemen sosiobudaya, sejarah, migrasi, pendidikan dan persempadanan. Mobiliti bagi kedua-dua komuniti ini menunjukkan percampuran kedua-dua dialek dengan kadar kesalingfahaman yang tinggi meskipun datang dari wilayah yang berbeza. Sebagai tambahan, kajian ini telah mencipta inovasi dalam disiplin dialektologi kesan daripada penggunaan GIS yang berjaya menghasilkan isoglos baharu bagi dialek Melayu di kedua-dua wilayah ini.

Kata kunci dan frasa: *identiti, penyebaran dialek, dialek Melayu Satun, dialek Satun Thai, Geographic Information System (GIS)*

Pengenalan

Manusia memerlukan bahasa sebagai alat komunikasi. Bahasa berperanan penting sebagai alat komunikasi dalam sesebuah masyarakat untuk saling berinteraksi sesama mereka. Ruang bermasyarakat ini menjadi wadah kepada penyebaran bahasa atau dialek terjadi kerana manusia sentiasa bergerak dan pergerakan ini akan berlaku sama ada dalam lingkungan petempatan mereka ataupun melangkaui sempadan kampung, daerah, negeri dan negara. Pergerakan masyarakat atau migrasi ini terjadi didorong oleh pelbagai faktor penarik dan penolak. Selain itu, persekitaran kawasan kajian yang memiliki pelbagai bentuk muka bumi turut mempengaruhi penyebaran terhadap sesuatu dialek atau bahasa.

Justeru, bahasa tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat yang menuturkannya. Setiap bahasa di dunia ini mempunyai kepelbagaian dialek yang memiliki ciri persamaan dan perbezaan masing-masing. Namun begitu, kepelbagaian dialek ini bersalingfahaman antara satu sama lain (Chambers dan Trudgill 1998). Faktor geografi dan masa menjadi pencetus utama terhadap perpecahan dalam bahasa induk kepada beberapa dialek turunannya. Kerencaman yang ada pada dialek-dialek Melayu telah menjadikan dialek Melayu itu unik secara tersendiri dan menarik perhatian pengkaji bahasa bagi meneliti keistimewaan dialek Melayu. Apatah lagi, penggunaan kepelbagaian dialek ini memainkan peranan yang penting dalam setiap aspek sosial dan budaya di Malaysia. Menurut Collins (1996), sebaran dialek-dialek Melayu telah berawal sebelum abad ke-16 lagi. Kajian yang dilakukan oleh Asmah (2019) turut membuktikan bahawa bahasa Melayu juga dijumpai di daratan Asia Tenggara seperti Thailand, Kemboja dan Vietnam. Pelbagai bukti telah dijumpai, malah komuniti Melayu ini masih wujud di ketiga-tiga buah negara tersebut. Sebagai contoh, kewujudan perkampungan Melayu di Kemboja seperti Kampong Cham, Kampong Chhnang, Kampong Thom dan Kampong Svay yang terletak dekat dengan laut dan sungai. Hal ini merupakan bukti kewujudan perkampungan yang asalnya ditempati oleh orang-orang yang menuturkan bahasa Melayu.

Kajian Lepas

Kajian dialek didapati telah menarik minat para sarjana untuk membuat penyelidikan dengan lebih mendalam menggunakan pendekatan dan metodologi yang berbeza daripada pengkaji sebelum ini. Kajian dialek mula berkembang menjadi kajian dialek geografi iaitu pengkajian yang lebih tertumpu kepada satu-satu kawasan pengamatan sahaja. Antara pengkaji tempatan ialah Kamaruddin (1999), Ruslan (2011), Mohammad Fadzeli et al. (2015), Hayati, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2020), Norfazila dan Norhasliza (2020), N. Habibah, Rahim dan Shahidi (2021), Ernawita, Rahim dan Shahidi (2021) dan Chong, Dilah dan Yusriadi (2022). Kajian Kamaruddin (1999) misalnya, membuat perbandingan fonologi antara dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Perlis di wilayah Satun dan sempadan Perlis. Begitu juga dengan kajian Ruslan (2011) yang meneliti keistimewaan dialek Patani di wilayah Patani, kajian Mohammad Fadzeli et al. (2015) yang berfokus kepada penggunaan bahasa di sempadan Malaysia-Thailand manakala kajian Hayati, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2020) pula berfokus di wilayah Satun. Sementara itu, kajian Norfazila dan Norhasliza (2020) meneliti fonologi dialek Melayu Langkawi di mukim Kuah, Langkawi dan N. Habibah, Rahim dan Shahidi (2021) pula melihat kesan persempadanan terhadap dialek di Hulu Perak Utara berdasarkan kajian bandingan. Dalam pada itu, Ernawita, Rahim dan Shahidi (2021) pula menumpukan kajian perbandingan antara Pulau Sumatera dengan Negeri Sembilan dan Pahang berkenaan rekonstruksi vokal bahasa

Minangkabau dan kajian yang dilakukan oleh Chong, Dilah dan Yusriadi (2022) di Telok Melano, Sarawak pula lebih melihat kepada kesan pembukaan jajaran Sematan-Telok Melano terhadap sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat di situ.

Kesemua kajian dialek geografi yang dinyatakan ini telah memaparkan dan menghuraikan penyebaran dialek berdasarkan pertimbangan linguistik dan bukan linguistik dengan baik. Namun demikian, kekurangan kajian-kajian ini adalah tidak menunjukkan peta penyebaran atau taburan dialek dalam kajian mereka. Kajian Kamaruddin (1999) dan Ruslan (2011) dilihat hanya memaparkan peta lorekan tangan yang dibuat secara andaian dan persepsi sahaja manakala dalam kajian oleh Mohammad Fadzeli et al. (2015), Hayati, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2020), Norfazila dan Norhasliza (2020), N. Habibah, Rahim dan Shahidi (2021), Ernawita, Rahim dan Shahidi (2021) dan Chong, Dilah dan Yusriadi (2022) pula, tiada pemaparan peta penyebaran dialek. Oleh sebab itu, kajian ini dibuat sebagai pembaikan kepada kajian-kajian yang lepas dengan menghasilkan peta taburan dan isoglos bagi menunjukkan sebaran terhadap dialek Melayu Satun di Langkawi-Satun. Tambahan pula, pembuktian faktor geografi yang sahih dapat membantu menjelaskan fenomena dialek dengan lebih baik.

Kajian yang bersifat multidisiplin ini menunjukkan bahawa kemajuan teknologi kini amat berperanan penting. Buktinya, banyak kajian dialek yang mengaplikasikan perisian *Geographic Information System* (Sistem Maklumat Geografi, GIS) secara giat dengan antaranya yang dilakukan oleh Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011), Fukushima (2018), Harishon (2017), Siti Noraini (2018), Fazal Mohamed et al. (2019), Nor Hashimah, Siti Noraini dan Harishon (2020), Nor Hashimah, Wan Athirah Adilah dan Khairul Ashraaf (2021), Nor Hashimah et al. (2019; 2020) dan Shahidi et al. (2020). Kajian Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011) berjaya menghasilkan peta penyebaran leksikal *dew* di seluruh Thailand dan sebanyak 11 varian leksikal dijumpai. Kajian Fukushima (2018) pula lebih meneliti aspek kepelbagaian serta perubahan kata adjektif dalam dialek Niigata iaitu perubahan fonologi dan morfologi dalam kalangan generasi muda. Walaupun demikian, mereka tidak menghuraikan secara jelas aspek geografi yang mempengaruhi penyebaran dialek Niigata. Seterusnya, kajian Nor Hashimah et al. (2019) berjaya menghasilkan peta isoglos penyebaran dialek Melayu Thai di Malaysia dan turut menghuraikan faktor linguistik iaitu aspek fonologi dan faktor bukan linguistik. Dapatan tersebut menunjukkan terdapatnya pengaruh dialek Melayu Thai di keempat-empat lokasi kajian iaitu di Perlis, Kedah, Langkawi, Pulau Pinang dan Perak. Kajian Nor Hashimah, Siti Noraini dan Harishon (2020) pula meneliti bagaimana dialek berkembang menjadi satu kajian multidisiplin dengan berbantuan perisian GIS. Kajian ini dapat memberi gambaran tentang keseluruhan

dialek, pengaplikasian GIS, kupasan morfologi, taburan dialek di Utara Perak, penyebaran kata ganti nama di sepanjang Sungai Perak, perihal migrasi yang mewarnai landskap dialek di Tanah Melayu dan diakhiri dengan kajian dialek Melayu di Langkawi dan dialek Melayu Satun, Thailand.

Seterusnya kajian oleh Nor Hashimah et al. (2020) juga membicarakan tentang faktor migrasi yang menyumbang kepada kerencaman dialek di Johor. Suatu hal yang menarik dalam kajiannya ialah pengkaji berhasil memperbaharu pengelompokan subdialek yang dibuat oleh Asmah (2019). Tambahan lagi, kajian ini turut berjaya memaparkan penggunaan bahasa Jawa, Bugis, Banjar dan Minang di Johor. Kewujudan empat bahasa ini adalah disebabkan oleh faktor migrasi antara wilayah. Kajian Nor Hashimah, Wan Athirah Adilah dan Khairul Ashraaf (2021) seterusnya membincangkan kesinambungan dialek Terengganu di sepanjang Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat masyarakat yang tinggal di daerah Setiu sehingga Kemaman menggunakan dialek Terengganu manakala ada sesetengah penutur daripada daerah Setiu telah dipengaruhi oleh dialek Kelantan. Pengaruh dialek Terengganu juga didapati menyusur sehingga ke Kota Tinggi, Johor. Walaupun begitu, pengaruh dialek Terengganu didapati hanya tersebar di kawasan pesisir pantai sahaja kerana terdapat kawasan tanah tinggi yang menghalang dialek Terengganu ini tersebar ke kawasan darat. Bagi kajian yang dilakukan oleh Shahidi et al. (2020) pula lebih tertumpu di sepanjang Sungai Terengganu. Dapatan kajian tersebut berhasil memetakan isoglos varian kata ganti nama di Lembangan Sungai Terengganu.

Berdasarkan kesemua kajian ini, dapat disimpulkan bahawa penggunaan teknologi GIS telah memberi impak kepada perkembangan kajian dialektologi pada masa kini. Penyebaran sesuatu dialek dapat dibuktikan dengan sistematik dan saintifik dengan pengaplikasian perisian GIS. Ekoran itu, kajian yang dilakukan ini lebih kepada meneruskan penyelidikan dialek berbantuan perisian GIS terhadap senario penyebaran dialek yang berlaku di Langkawi dan Satun.

Metodologi Kajian

Kajian ini bersifat lapangan sepenuhnya dan dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Fokus kajian adalah berkenaan dengan sebaran dialek Melayu Satun di Langkawi, Malaysia dan wilayah Satun, Thailand. Pemilihan kedua-dua kawasan ini dibuat atas faktor sejarah, namun disebabkan masa, jarak, pentadbiran, ekonomi dan pendidikan, kedua-dua subdialek ini menjadi terpisah (Nor Hashimah et al. 2019). Sebanyak 22 buah kampung dipilih yang melibatkan mukim Padang Matsirat, Ayer Hangat, Bohor, Ulu Melaka, Kuah dan Kedawang di Langkawi. Kampung-kampung ini dipilih kerana penduduk yang dominannya terdiri daripada

masyarakat Satun yang telah lama menetap di Langkawi iaitu lebih daripada 20 tahun (Worawit 1999). Di wilayah Satun pula, 11 buah kampung terlibat yang terdiri dari mukim Che Bilang, Ban Khuan, Tammalang dan Chalung. Penduduk kawasan yang terlibat didapati menuturkan bahasa Melayu dalam komunikasi harian mereka.

Kaedah temu bual dan soal selidik digunakan bagi mengumpulkan data kajian. Teknik ini melibatkan alatan seperti perakam, telefon dan borang soal selidik. Borang soal selidik yang dibangunkan telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian maklumat responden atau informan, maklumat demografi dan terakhir senarai leksikal mengikut domain. Untuk kajian ini hanya empat leksikal sahaja yang dipilih iaitu “air”, “bantak”, “kelapa” dan “tajak”. Empat leksikal ini dipilih kerana mempunyai peratusan varian penyebaran yang tertinggi selain merupakan domain utama yang melibatkan kehidupan harian masyarakat Satun di Langkawi dan Satun. Semua responden yang terlibat telah memberi kebenaran kepada penulis untuk menggunakan gambar yang diambil semasa kajian dilakukan.

Pengolahan data dibuat selepas mendapatkan data yang dikehendaki di lapangan. Pada tahap ini, data ditranskripsi menggunakan transkripsi fonetik sebelum dimasukkan dalam Microsoft Excel dan perisian GIS. Tahap terakhir ialah penganalisan data. Data dianalisis berdasarkan aspek linguistik, bukan linguistik dan seterusnya mengaplikasikan perisian GIS dalam memaparkan peta taburan dialek Melayu Satun Langkawi dan dialek Satun Thai. Penganalisan makalah ini hanya menumpukan penghuraian bukan linguistik iaitu aspek sosiobudaya, sejarah, migrasi, pendidikan serta dasar kerajaan dan persempadanan yang turut mempengaruhi penyebaran leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi dan wilayah Satun.

Masyarakat Thai di Langkawi


Faktor geografi, sejarah dan politik dilihat amat mempengaruhi hubungan erat yang terjalin antara Pulau Langkawi (Malaysia) dengan wilayah Satun (Thailand). Masyarakat di kedua-dua daerah ini, iaitu Melayu Satun Langkawi dan Melayu Satun di wilayah Satun, didapati bercakap menggunakan dialek yang sama, iaitu dialek Melayu Satun. Terdapat ciri-ciri yang tersendiri antara kedua-dua kumpulan

TABURAN DIALEK DI LANGKAWI

PETUNJUK

- Dialek Satun Langkawi (DSL)
- ★ Dialek Melayu Langkawi
- Dialek Melayu Patani

Rajah 1. Taburan dialek Melayu di Langkawi



Rajah 2. Taburan dialek Melayu Satun di wilayah Satun

Sejarah Penyebaran Dialek Melayu Satun

Sejarah hubungan antara Kedah dengan Siam telah menyumbang kepada faktor penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Satun itu sendiri. Menurut Asmah (2019), sejarah Siam dengan Kedah mempunyai kaitan dengan Perlis dan Setol (kini dikenali sebagai Satun). Hal ini kerana sebelum campur tangan Siam dalam sejarah politik Kedah, kawasan yang dikenali sebagai Perlis dan Setol merupakan sebahagian daripada kerajaan Kedah. Menurut Muhammad Hassan (1986), hubungan Kedah dengan Siam sudah bermula sebelum atau pada awal kurun Masihi, iaitu semasa zaman pemerintahan Seri Paduka Maharaja Derma Raja yang beristana di Kota Bukit Meriam (daerah Kuala Muda sekarang). Pada waktu itu, Qalha (nama Kedah zaman dahulu) telah diserang oleh Burma dari utara iaitu dari arah Tenangsari (Tenassirim), melalui Padang Jangam (Padang Besar sekarang). Pihak yang membantu Kedah ketika itu ialah Raja Ligor dengan tenteranya lalu Burma berjaya dikalahkan. Atas jasa baik Raja Ligor, maka Raja Qalha pun menghantar hadiah ke Ligor yang berupa sepohon bunga emas dan sepohon bunga perak untuk menggantikan senjata hulubalang dan pahlawan yang binasa dalam peperangan itu. Raja Ligor membalas dengan menghantar kemenyan,

gaharu dan ratusan gantang beras dengan pesanan kepada Raja Qalha bahawa hubungan baik antara Ligor dengan Qalha hendaklah diteruskan dengan hantaran bunga emas dan perak dari pihak Qalha tiap-tiap tiga tahun hingga ke anak cucu.

Ketika itu, belum ada negara yang dikenali sebagai Siam atau Thailand. Wujud di kawasan yang dinamakan Thailand ketika itu ialah kerajaan-kerajaan kecil yang dikenali sebagai Ligor, Sukothai dan Ayuthaya. Setelah terbentuknya kerajaan benua Siam yang berpusat di Bangkok, bunga emas dan bunga perak dihantar kepada Raja Maha Besar Siam di Bangkok melalui Ligor. Adat menghantar bunga emas dan bunga perak kepada Siam lama kelamaan menjadikan Kedah sebagai *tributari* iaitu negeri di bawah kekuasaan Siam. Keadaan ini membawa erti bahawa mana-mana negeri yang menghantar bunga emas dan perak kepada Siam akan diakui tarafnya oleh Siam sebagai negeri tersendiri walaupun di bawah pemerintahan tidak langsung oleh Bangkok. Hal ini jelas berlaku ketika raja Siam membuat keputusan bahawa Setol, Kayang (Perlis) dan Kubang Pasu perlu menghantar bunga emas dan perak secara berasingan walaupun sebelum ini, hanya negeri Kedah sahaja yang menghantar ufti ke Siam kerana ketiga-tiga kawasan itu merupakan daerah dalam negeri Kedah. Dengan peraturan baru tersebut, maka Setol, Perlis dan Kubang Pasu menjadi negeri tersendiri yang bebas daripada kerajaan Kedah dan boleh berhubung secara langsung dengan Siam tanpa melalui Kedah (Asmah 2008).

Walaupun begitu, disebabkan wujudnya penentangan yang kuat daripada pemerintahan-pemerintahan negeri Kedah, Kayang, Setol dan Kubang Pasu, maka keadaan ini telah membawa kepada pemisahan Perlis dan Setol daripada wilayah Kedah secara langsung ke arah pembentukan dan pengukuhan institusi diraja Perlis yang tersendiri. Setol pula telah menjadi sebahagian daripada wilayah Siam (Thailand) sejak tahun 1907 sehingga ke hari ini.

Sejarah, hubungan dan peperangan antara Siam dengan Kedah telah menunjukkan bahawa kerajaan Siam merupakan sebuah kerajaan yang tidak asing lagi bagi negeri Kedah. Penaklukan Siam di negeri Kedah telah menunjukkan bahawa Siam telah lama bertapak di negeri Kedah. Hal ini juga turut melibatkan Pulau Langkawi apabila Siam juga turut menyerang Langkawi dan pada masa yang sama juga menghadapi serangan dari Ligor. Semasa orang-orang Langkawi sedang melakukan aktiviti harian mereka, angkatan laut Siam mendarat dengan banyaknya di Padang Matsirat dengan empat tujuan iaitu membunuh siapa yang melawan, menawan orang dewasa, memusnahkan rumah tangga serta tanaman dan merampas harta benda yang berharga. Sungguhpun Siam berazam untuk menghancurkan pulau itu, namun Dato' Kama Jaya dan penolongnya cecal sekali menentang musuh.

Akibat serangan Siam tersebut, ramai penduduk di Langkawi telah melarikan diri ke Pulau Pinang. Serangan seterusnya dari Siam telah menyebabkan pertempuran sengit dalam sejarah Langkawi di Selat Berhala Balik yang terletak di antara Pulau Besar Langkawi dengan Pulau Bumbun. Akibat pertempuran itu, Dato' Kama Jaya dan Dato' Panglima Hitam telah terkorban. Hal ini telah menyebabkan angkatan Siam berjaya mendarat hingga ke Hulu Melaka. Namun demikian, sebahagian besar orang-orang Hulu Melaka tidak terkorban dan mereka bersembunyi serta menggempur orang-orang Siam yang menyerang. Hal ini menyebabkan orang-orang Siam berundur dan bersembunyi dan menetap di pedalaman pulau itu. Sehingga kini, terdapat bahasa Siam dituturkan oleh penduduk-penduduk keturunan Siam dan orang Melayu. Tempat-tempat pedalaman yang dimaksudkan adalah di Ayer Hangat, Pulau Tuba, Selat Pancur dan Teluk Apau (Haji Ibrahim 1987). Hal ini dibuktikan dengan terdapatnya dialek Melayu Satun yang ditemui dan dituturkan di kawasan Ayer Hangat, Ulu Melaka dan Pulau Tuba. Gambar peta dan teks percakapan masyarakat Melayu Satun yang ditemui di Kampung Padang Lalang, Ayer Hangat dipaparkan dalam Rajah 3.



Rajah 3. Peta Kampung Padang Lalang dan teks percakapan dalam dialek Melayu Satun

Tambahan lagi, ikatan kekeluargaan antara Kedah dengan Satun juga menyumbang kepada penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi. Hasil kajian menunjukkan terdapat responden yang ditemu bual telah berkahwin dengan orang tempatan dan berasimilasi dengan masyarakat Langkawi. Selain itu, sejarah asal usul keluarga yang berasal dari Langkawi juga menyebabkan masyarakat Satun datang ke Langkawi.

Persempadanan Langkawi dan Satun

Persempadanan antara Langkawi dengan Satun sangat memainkan peranan penting dalam penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi-Satun. Seperti diketahui umum, Pulau Langkawi bersempadan dengan Selatan Thailand iaitu wilayah Satun (seperti ditunjukkan dalam Rajah 4). Hal ini memberi ruang penghijrahan kepada masyarakat Melayu Satun untuk masuk ke Pulau Langkawi. Keadaan ini dibuktikan dengan wujudnya dialek Melayu Satun dituturkan di kampung Padang Lalang, mukim Ayer Hangat, mukim Ulu Melaka, Pulau Tuba dan Kampung Lubuk Cempedak di mukim Kuah dan Kampung Temoyong dan Kampung Chenang di mukim Kedawang. Buktinya, terdapat varian [nám], [mápra:w], [món] dan [k^hom] yang ditemui di kawasan tersebut. Selain itu, kemudahan pengangkutan feri dan pas kemasukan bulanan yang murah juga turut memudahkan masyarakat Satun masuk ke Langkawi bagi tujuan perniagaan. Menurut Nor Hashimah et al. (2017), kemudahan pas bulanan untuk masyarakat Thai ke Langkawi dan sebaliknya menjadi faktor pendorong untuk mereka terus berada di Langkawi. Hasil daripada pemerhatian mendapati kebanyakan masyarakat Thai bekerja sebagai peniaga kecil, nelayan, tukang rumah dan pekerja kedai makan.



Rajah 4. Peta sempadan Satun dan Langkawi

Bagi Satun pula, persempadanan antara Langkawi dengan Satun juga turut memberi sumbangan kepada kepelbagaian variasi bagi leksikal yang ditemui. Buktinya, varian leksikal [ɲoŋ] ditemui di mukim Che Bilang dan Tan Yong Poo. Mukim ini mendapat pengaruh dialek Melayu Kedah kerana bersempadan dengan Pulau Langkawi.

Identiti dan Sosiobudaya Masyarakat Thai

Identiti merujuk kepada sifat atau ciri-ciri yang terdapat pada seseorang, masyarakat atau sesuatu yang sebagai suatu keseluruhan memperkenalkannya atau mengasingkannya daripada yang lain (rujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat*). Sosiobudaya pula merupakan suatu amalan atau gaya hidup sesuatu masyarakat. Menurut Norfaezah dan Hasliza (2018), konsep sosiobudaya ialah amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat yang lahir daripada pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan dalam pelbagai bidang hidup untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan hidup masyarakat itu. Maka, sosiobudaya dapat diertikan sebagai hubungan masyarakat yang mempunyai perbezaan budaya dalam wilayah yang sama dan hidup bersama melalui aspek cara hidup, adat istiadat dan sebagainya.

Dialek Melayu Satun di Langkawi dituturkan oleh masyarakat Thai yang terdiri daripada dua golongan iaitu masyarakat Melayu Satun itu sendiri dan masyarakat atau komuniti yang dikenali sebagai komuniti Samsam. Komuniti Samsam merupakan komuniti yang menetap di utara Semenanjung Malaysia. Zaharah (1979) mencatatkan bahawa “these people were mainly extensions of the Malays inhabiting the Thai States of Chenak, Raman, Tiba, Patani and Setul”. Achaimbault (1957) juga turut menyatakan bahawa Samsam ialah warga Thai yang beremigrasi dari Nakron Sit’ammarat dan Songkhla di Thailand pada sekitar abad ke-17. Achaimbault menyatakan bahawa komuniti Samsam terdiri daripada dua kelompok iaitu Samsam Siam dan Samsam Melayu. Samsam Siam merupakan warga Thai yang beragama Buddha manakala Samsam Melayu pula ialah warga Thai yang beragama Islam. Perkataan *Samsam* ini sebenarnya berasal dari perkataan *tcham-tcham*, iaitu perkataan daripada bahasa Cina Hokkien yang bermaksud “membaurkan atau mencampurkan, berbaur atau bercampur”. Dari sudut bahasa dan budaya, adalah tidak sulit untuk mengaitkan Samsam dengan identiti hibrid ini. Hal ini kerana, sama ada Samsam Siam atau Samsam Islam, unsur bauran dalam kehidupan mereka menunjukkan percampuran dari segi dua budaya atau bahasa, iaitu Siam dengan Melayu atau Siam dengan bangsa lain.

Kehadiran masyarakat Thai ini telah mencorakkan varian leksikal dialek Satun Langkawi. Selain memberi kesan kepada dialek tersebut, kehadiran masyarakat Thai ini juga memberi pengaruh dan kesan kepada sosiobudaya di Langkawi. Masyarakat Thai yang telah berhijrah ke Langkawi dari wilayah Satun telah berasimilasi dengan sosiobudaya masyarakat Melayu Kedah khususnya masyarakat Melayu Langkawi. Penghijrahan masyarakat Thai ke Langkawi adalah atas dasar peluang pekerjaan yang ditawarkan di Langkawi dan atas dasar kegiatan ekonomi.

Oleh itu, terdapat ciri-ciri yang boleh dilihat tentang kewujudan masyarakat Thai iaitu Melayu Satun dan komuniti Samsam di Langkawi. Salah satu ciri adalah berdasarkan penampilan mereka. Bagi pemakaian wanita Satun contohnya, mereka memakai tudung yang berkilat dan disaluti dengan manik yang berwarna-warni dan ini merupakan salah satu ciri atau identiti masyarakat Melayu Satun. Rajah 5 menunjukkan salah seorang wanita Satun yang ditemu bual di Pulau Tuba, Langkawi dan Rajah 6 pula menunjukkan wanita bertudung hitam sedang menjual pulut pisang di mukim Ayer Hangat.



Rajah 5. Penampilan wanita Satun yang ditemu bual di Pulau Tuba



Rajah 6. Tudung berwarna hitam bermanik yang dipakai oleh wanita Satun di Ayer Hangat

Selain daripada aspek penampilan iaitu cara pemakaian, kewujudan masyarakat Melayu Satun boleh dilihat dari aspek persekitaran rumah. Kebanyakan daripada mereka suka memelihara burung, maka terdapat banyak sangkar burung boleh dijumpai di kawasan persekitaran rumah mereka seperti dalam Rajah 7.



Rajah 7. Sangkar burung di persekitaran rumah masyarakat Satun di mukim Ayer Hangat

Dari aspek makanan pula, kebanyakan makanan masyarakat Melayu Satun dipengaruhi oleh ciri-ciri makanan Thai seperti dalam Rajah 8 yang menunjukkan kuih tokiaw yang boleh didapati di pasar malam mukim Ulu Melaka.



Rajah 8. Kuih tokiaw yang dijual di mukim Ulu Melaka

Bagi aspek pekerjaan pula, kebanyakan komuniti Samsam yang berhijrah ke Langkawi bekerja sebagai nelayan. Kebanyakan komuniti Samsam juga boleh dijumpai di Pulau Tuba. Keunikan Pulau Tuba sebagai tempat perlindungan dan kawasan perairan telah menyebabkan wujudnya komuniti Samsam di Pulau Tuba.

Rajah 9 menunjukkan komuniti Samsam yang ditemu bual di sekitar Pulau Tuba dan Rajah 10 pula menunjukkan hasil tangkapan yang diperoleh oleh nelayan di Pulau Tuba. Bagi masyarakat Melayu Satun pula, mereka mencari hasil pendapatan melalui aktiviti perniagaan iaitu berniaga di pasar malam, bekerja di kawasan pelancongan dan membuka gerai makanan.



Rajah 9. Warga tua Samsam di Pulau Tuba



Rajah 10. Hasil tangkapan nelayan di Pulau Tuba

Masyarakat Melayu Satun di wilayah Satun pula terutamanya di mukim Che Bilang dan mukim Tan Yong Poo masih dipengaruhi oleh sosiobudaya masyarakat Melayu Langkawi dan hal ini dibuktikan dari aspek makanan. Makanan yang ditemui di mukim Che Bilang didapati masih mengekalkan cita rasa masyarakat Melayu Langkawi. Rajah 11 dan 12 menunjukkan kuih muih yang dijual oleh wanita Melayu Satun di mukim Che Bilang dan Tan Yong Poo. Kuih yang dijual seperti kuih talam, pulut udang, pulut inti, karipap, bubur sum-sum dan bubur pulut hitam. Makanan ini sama seperti yang ditemui di Langkawi lantas menunjukkan kuih muih Melayu di kedua-dua tempat ini mempunyai persamaan ketara.



Rajah 11. Wanita Melayu Satun yang berniaga di mukim Tan Yong Poo



Rajah 12. Kuih Melayu yang dijual menggunakan kereta sorong di mukim Che Bilang

Migrasi Masyarakat Satun di Langkawi

Migrasi juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada penyebaran varian leksikal di Langkawi. Menurut Nor Hashimah et al. (2019), faktor migrasi telah membawa kerencaman kepada sesuatu dialek itu. Migrasi masyarakat Siam ke Langkawi dibuktikan dengan kehadiran pelbagai varian leksikal dialek Melayu Satun di beberapa mukim dan kampung. Antara varian leksikal tersebut ialah [nâm] dan [ǽjǽʔ] bagi leksikal “air”, varian [môn] bagi leksikal “bantal”, varian [mápra:w], [ɲûa] dan [ɲiðʃ] bagi leksikal “kelapa” dan varian [tadzâp] dan [k^hom] bagi leksikal “tajam”. Tambahan pula, masyarakat Melayu Satun yang ditemui ini turut berkebolehan bertutur dalam dwibahasa iaitu dialek Melayu Satun dan bahasa Thai. Jadual 1 memaparkan senarai kampung yang menerima pengaruh dialek Melayu Satun.


Jadual 1. Senarai varian leksikal mengikut kampung

Nama Kampung	Varian							
	[nâm]	[ǽjǽʔ]	[ǽjǽʔʔ]	[môn]	[mápra:w]	[ɲiðʃ]	[tadzâp]	[k ^h om]
Kg. Ulu Melaka	/	/	/	/	/	/	/	/
Kg. Bayas	/	/	/	/	/	/	/	/
Kg. Pdg. Gaong	/	/	/	/	/	/	/	/
Kg. Perana	/	/	/	/	/	/	/	/
Pulau Tuba	/	/	/	/	/	/	/	/
Kg. Lubok Cempedak	/	/	/	/	/	/	/	/
Kg. Temoyong	/	/	/	/	/	/	/	/
Kg. Chenang	/		/	/	/	/	/	/
Kg. Pdg. Lalang	/	/	/	/	/	/	/	/

Selain itu, penghijrahan masyarakat Melayu Satun ke Langkawi adalah disebabkan oleh pembangunan ekonomi yang pesat di Pulau Langkawi terutamanya dalam sektor pelancongan. Sejak dikenali sebagai pulau bebas cukai dan salah satu destinasi pelancongan terkemuka di rantau ini, Pulau Langkawi dikatakan telah terlepas daripada sumpahan Mahsuri. Sejak tahun 1987, Langkawi mula dikenali dalam kalangan pelancong tempatan mahupun pelancong pada peringkat antarabangsa. Menurut Ishak, Mustaffa dan Gusni (2007), pelbagai rancangan pembangunan dan aktiviti pelancongan menarik telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta demi membawa semula Langkawi dalam arus perdana pembangunan negara. Sejak itu, Langkawi telah mengalami suatu anjakan besar dari aspek ekonomi dan pembangunan.

Menurut Habibah dan Hamzah (2008), sebelum tahun 1990, majoriti penduduk Langkawi bekerja dalam sektor pertanian, perhutanan, perikanan, berniaga secara kecil-kecilan, kakitangan awam dan bekerja sendiri. Pengenalan industri pelancongan dan pengurniaan status zon bebas cukai di Langkawi telah menjana pelbagai peluang pekerjaan dan aktiviti keusahawanan sekali gus merubah status sosioekonomi penduduknya. Kebanyakan penduduk terlibat dalam sektor perhotelan, pemandu pelancong, pemandu bot untuk aktiviti *island hopping* (lawatan pulau-pulau), membuka restoran makanan laut, menjual ubat-ubatan tradisional, jurujual di kompleks membeli-belah, kakitangan agensi pengangkutan feri, membuka agensi pelancongan, perniagaan sewaan kenderaan dan sebagainya. Penglibatan dalam peluang-peluang pekerjaan baru ini telah membantu penduduk untuk memperoleh pendapatan yang lebih baik berbanding sebelumnya.

Peluang pekerjaan dan perkembangan ekonomi yang baik di Langkawi bukan sahaja dinikmati oleh penduduk tempatan, malah masyarakat Melayu Satun yang datang ke Langkawi juga turut terlibat dalam kerancakan ekonomi di Langkawi. Hasil daripada temu bual, masyarakat Melayu Satun yang berhijrah ke Langkawi telah bergiat dalam bidang perniagaan dan perkhidmatan seperti membuka restoran makanan laut, membuka pusat refleksologi, berniaga di pasar malam, membuka kedai runcit dan berkhidmat dalam sektor perhotelan. Selain itu, masyarakat ini juga turut menjalankan aktiviti pertanian dan perikanan. Meskipun aktiviti pertanian dan perikanan ini merupakan aktiviti atau pekerjaan tradisional masyarakat Melayu Satun, namun pekerjaan ini masih menjadi pilihan dalam usaha untuk mencari rezeki. Rajah 13 menunjukkan peratusan pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Satun yang berada di Langkawi.



Rajah 13. Peratusan bidang pekerjaan di wilayah Satun

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 57% masyarakat Melayu Satun masih melakukan aktiviti pertanian dan perikanan sebagai sumber pendapatan mereka. Aktiviti berniaga pula telah menyumbang jumlah peratusan sebanyak 20%, bidang pelancongan dan perkhidmatan mencatat jumlah peratusan sebanyak 9% dan suri rumah mencatat peratusan sebanyak 5%. Bidang pertanian dan perikanan menjadi sumber pekerjaan yang utama kerana faktor bentuk muka Langkawi yang merupakan kawasan perairan serta bebas daripada tiupan angin kencang. Hal ini telah menyebabkan masyarakat Melayu Satun terutamanya masyarakat Samsam berhijrah ke Pulau Tuba untuk kelangsungan hidup. Kawasan perairan yang baik telah menyebabkan masyarakat Samsam dapat mencari sumber pendapatan mereka dengan bekerja sebagai nelayan. Selain itu, masyarakat Melayu Satun juga turut menjalankan aktiviti perniagaan di Langkawi. Kawasan seperti mukim Kedawang iaitu Kampung Chenang dan Kampung Temoyong telah menarik perhatian masyarakat ini untuk melakukan aktiviti perniagaan. Kebanyakan daripada mereka mengusahakan perniagaan kecil-kecilan seperti membuka kedai makanan laut, kedai runcit dan kedai urut tradisional Thai kepada para pelancong yang datang berkunjung ke Pantai Chenang.

Tambahan pula, mukim Kedawang membuktikan telah menerima pengaruh dialek luar yang begitu rencam kerana kawasannya sangat giat dengan aktiviti ekonomi iaitu terdapatnya kawasan sawah padi, pertanian dan peluang perniagaan yang meluas di kawasan ini (Maizatul 2016). Halimaton dan Rahimah (2014) juga menyatakan bahawa kawasan mukim Kedawang merupakan kawasan yang dijadikan sebagai tempat menampung pelawat tempatan dan para pelancong, dengan kemudahan untuk pelancongan secara besar-besaran telah ditawarkan di Pantai Chenang, iaitu koridor Pantai Tengah. Mereka turut menyatakan bahawa kawasan peranginan mewah terutamanya yang terletak di Datai dan Tanjung Rhu lebih tertumpu kepada pelancong mewah. Oleh sebab itu, ramai masyarakat Melayu Satun telah bertapak di mukim Kedawang bagi merebut peluang pekerjaan. Rajah 14 merupakan teks perbualan seorang peniaga berketurunan Melayu Satun yang memiliki kedai runcit di Kampung Ulu Melaka.



Rajah 14. Peta Kampung Ulu Melaka dan teks percakapan dalam dialek Melayu Satun

Pendidikan dan Dasar Kerajaan

Faktor pendidikan dan dasar kerajaan yang dilaksanakan di negara Thai turut mempengaruhi kepelbagaian varian leksikal berlaku di wilayah Satun. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden yang mempunyai pendidikan cenderung menggunakan bahasa Thai standard dalam pertuturan mereka. Golongan kanak-kanak, remaja dan orang dewasa yang mempunyai pendidikan telah memilih varian leksikal Thai dalam percakapan harian mereka. Kebanyakan responden yang berada dalam golongan ini lebih banyak menuturkan bahasa Thai standard dalam pertuturan harian mereka meskipun mereka merupakan masyarakat Melayu Satun. Rajah 15 menunjukkan peratusan taraf pendidikan responden di Satun.



Rajah 15. Peratusan taraf pendidikan di wilayah Satun

Sebanyak 60% responden tidak bersekolah dan kebanyakan responden ini merupakan golongan warga tua. Hasil data menunjukkan bahawa golongan warga tua yang tidak berpendidikan dan mempunyai pekerjaan seperti suri rumah dan golongan petani serta nelayan lebih cenderung menggunakan dialek Melayu Satun dalam perbualan harian mereka. Kebanyakan perkataan-perkataan yang dituturkan oleh golongan ini lebih kepada dialek Melayu Satun yang dipengaruhi oleh dialek Melayu Langkawi dan golongan warga tua lebih cenderung menggunakan dialek Melayu Satun dalam pertuturan mereka. Hal ini bertentangan dengan golongan remaja, kanak-kanak dan golongan dewasa yang berpendidikan kolej atau universiti. Golongan sekolah menengah mencatatkan peratusan sebanyak 20% manakala golongan sekolah rendah pula sebanyak 15% serta golongan dewasa yang berpendidikan tahap kolej atau universiti pula mencatat sebanyak 5%. Hasil temu ramah telah menunjukkan bahawa ketiga-tiga golongan yang menerima pendidikan ini lebih cenderung menggunakan bahasa Thai standard dalam pertuturan mereka. Hal ini disebabkan dasar pendidikan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Thai dengan penggunaan bahasa Thai sebagai bahasa rasmi dan bahasa standard di setiap institusi pendidikan yang menyebabkan ketiga-tiga golongan ini lebih cenderung menggunakan bahasa Thai standard. Selain itu, bahasa Thai juga merupakan satu-satunya bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara Thai. Hal ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Worawit (1999).

Kesan daripada dasar yang telah dilakukan ini, penggunaan dialek Melayu Satun dalam kalangan masyarakat Satun semakin kurang. Sekiranya diteliti dalam dapatan kajian ini, hanya mukim Che Bilang dan Tan Yang Poo yang didapati masih mempunyai pengaruh Melayu yang kuat jika dibandingkan dengan mukim

Ban Khuan dan mukim Chalung yang mana kedua-dua mukim ini terletak di kawasan pedalaman dan lebih dipengaruhi oleh nahu bahasa Thai itu sendiri. Dalam kajian yang dilakukan oleh Worawit (1999), berdasarkan penggunaan bahasa, penduduk Satun dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan berbahasa dialek Melayu Satun, kumpulan berdwibahasa iaitu bertutur dalam dialek Melayu dan dialek Thai Selatan dan kumpulan berbahasa dialek Thai Selatan. Hal ini juga telah membuktikan bahawa terdapat pengaruh fonologi Thai ditemui dalam dialek Melayu Satun. Buktinya dapat dilihat melalui leksikal “kelapa”. Varian bagi leksikal “kelapa” yang mempunyai pengaruh fonologi Thai ialah varian [niɔ̌ʔ] dan varian ini merupakan gabungan dialek Melayu Kedah [nɔʔ] dengan pengaruh nada yang ada pada bahasa Thai. Oleh itu, tidak hairanlah masyarakat Melayu Satun boleh berbahasa Thai dan bertutur dialek Melayu Satun. Jadual 2 memaparkan penggunaan nada yang menyamai leksikal Thai yang boleh dijumpai di Langkawi dan Satun.

Jadual 2. Data dialek Melayu Satun bernada

Leksikal	Leksikal Melayu Bernada
air	[aʔjâ], [aʔjǎʔ]
campur	[ʔamphuâ]
ular	[uljǎʔ], [ulâ]
ayam	[aʔǎp]
makan	[makât]
hutan	[utât]
durian	[dɔjǎn], [dɔjât]
ikan	[ikât]
tajam	[tadʒǎp]
lembut	[ləmuît]

Sumber: Nor Hashimah et al. (2019)

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dalam kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa faktor-faktor bukan linguistik seperti identiti, sosiobudaya, sejarah, migrasi, pendidikan dan dasar kerajaan serta faktor persempadanan telah menyumbang kepada penyebaran varian leksikal “air”, “bantal”, “kelapa” dan “tajam” di Langkawi dan wilayah Satun. Keadaan ini terjadi disebabkan pengaruh dialek Melayu Satun yang tersebar ke Langkawi dan dijumpai di beberapa mukim seperti mukim Ayer Hangat, Ulu Melaka, Kedawang dan Kuah yang bertempat di Pulau Tuba dan Kampung Lubok Cempedak. Faktor sejarah telah membuktikan bahawa hubungan antara Siam dengan Kedah pada suatu ketika dahulu telah memberikan

kesan kepada penyebaran dialek Melayu Satun. Peperangan demi peperangan dan penaklukan serta persahabatan yang dibalas dengan bunga emas dan perak telah dapat mencorakkan penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi. Sementara itu, migrasi masyarakat Melayu Satun disebabkan oleh faktor ekonomi dan hubungan kekeluargaan juga turut membawa kemasukan masyarakat Melayu Satun di Langkawi. Faktor pendidikan dan dasar kerajaan yang dilaksanakan oleh kerajaan Thai juga telah menyebabkan wujudnya pengaruh ciri-ciri fonologi Thai dalam dialek Melayu Satun. Faktor persempadanan Langkawi dengan wilayah Satun dilihat membuka ruang kepada penyebaran dialek antara kedua-dua kawasan ini sehingga mewujudkan kepelbagaian dalam dialek Melayu di Langkawi dan wilayah Satun.

Penghargaan

Penulisan ini merupakan hasil penyelidikan daripada geran dalaman Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu “Pelestarian Tamadun Melayu di Langkawi dan Satun, Thailand” dengan kod TD-2015-004.

Rujukan

- Archaimbault, C. 1957. A preliminary investigation of the Sam Sam of Kedah and Perlis. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 30(1[177]): 75–92.
- Asmah Haji Omar. 2019. *Bahasa Melayu di daratan Asia Tenggara: Pendekatan sejarah dan geolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2008. *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J.K. and Trudgill, P. 1998. *Dialectology* (2nd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Chong, S., Dilah Tuah and Yusriadi Ebong. 2022. Impak pembukaan jajaran Sematan-Telok Melano ke atas sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat di Telok Melano. *Geografia Online™ Malaysian Journal of Society and Space* 18(1): 71–86. <https://doi.org/10.17576/geo-2022-1801-06>
- Collins, J.T. 1996. *Khazanah dialek Melayu*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ernawita Atan, Rahim Aman and Shahidi A.H. 2021. Rekonstruksi vokal bahasa Minangkabau: Pengintegrasian merentasi geopolitik. *Geografia Online™ Malaysian Journal of Society and Space* 17(2): 389–401. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-30>
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Junaidi Kasdan and Muhammad Faiz Aizuddin Suhami. 2019. Dialek Melayu Perlis: Pemetaan geodialek beraplikasikan GIS. *Akademika* 89(2): 139–154. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8902-11>

- Fukushima, C. 2018. Variation and change of adjectives in Niigata dialects. *International Conference on Asian Geolinguistics, Studies in Asian Geolinguistics, Monograph Series 4*: 79–90. <https://doi.org/10.3390/languages4020031>
- Habibah Ahmad and Hamzah Jusoh. 2008. Langkawi sebagai pulau bebas cukai: Impak sosioekonomi komuniti setempat. In *Pelancongan Malaysia: Isu pembangunan, budaya, komuniti dan persetempatan*, eds. Yahaya Ibrahim, Sulong Mohamad and Habibah Ahmad, 231–246. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Haji Ibrahim Ismail. 1987. *Sejarah Kedah sepintas lalu*. Kedah, Malaysia: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Halimaton Saadiah Hashim and Rahimah Abdul Aziz, eds. 2014. *Langkawi Geopark: Mengimbangi pembangunan dan warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harishon Radzi. 2017. Analisis geolinguistik leksikal dialek Melayu di Perak menggunakan sistem maklumat geografi. PhD diss., Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin and Mohammad Fadzeli Jaafar. 2020. Pengekalan dan peralihan dialek Melayu Satun: Kolerasi antara penggunaan bahasa dengan faktor umur penutur. *Jurnal Linguistik* 24(2): 47–58.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi and Ruslan Uthai. 2016. Bahasa Melayu di Satun Thailand. In *Proceeding the Tenth International Malaysian Studies Conference (MSC10) Globalization and Regionalism: Malaysia in ASEAN*, eds. Noraini et al., 1869–1879. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Yussof, Mustaffa Omar and Gusni Saat. 2007. Impak pembangunan Langkawi ke atas corak pekerjaan dan guna tenaga di Pulau Dayang Bunting, Langkawi. *Jurnal E-Bangi* 2(2): 1–16.
- Kamaruddin Esayah. 1999. Perbandingan fonologi dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Perlis. MA diss., Universiti Sains Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizatul Hafizah. 2017. Variasi leksikal dialek di Langkawi: Analisis geolinguistik. MA diss., Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis and Hayati Lateh. 2015. Bahasa sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan vs. peralihan bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(1): 1–9.
- Mohd Hazmi Mohd Rusli. 2014. Selatan Thailand: Wilayah Melayu yang hilang. *mStar*, 17 June. Retrieved from <https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2014/06/17/wilayah-satun>
- Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Mohd Arshad. 1986. *Al-tarikh salasilah negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- N. Habibah C.R., Rahim Aman and Shahidi A.H. 2021. Kesan persempadanan kawasan berasaskan kajian linguistik bandingan. *Geografia Online™ Malaysian Journal of Society and Space* 17(4): 45–61. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1704-04>
- Norfazila Ab Hamid and Norhasliza Ramli. 2020. Kajian fonetik varian Kuah: Dialek Melayu Langkawi. *KUIS.E-JBL e-journal bahasa dan Linguistik* 2(2): 52–66. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v2i2.49>

- Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi and Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2020. Migrasi dan lanskap baharu dialek di Johor. *Akademika* 90(3): 147–161. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9003-12>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi and Junaini Kasdan. 2017. Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: Analisis geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 17(4): 159–178. <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1704-11>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah and Harishon Radzi. 2020. *Dialektologi dan GIS*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah and Hayati Lateh. 2019. Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu kajian perbandingan berasaskan *Geographic Information System* (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies* 19(1): 77–96. <http://doi.org/10.17576/gema-2019-1901-05>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah Wan Halim and Khairul Ashraaf Saari. 2021. The continuum of Terengganu dialect along the East Coast Malaysia: A geolinguistic study. *Journal of Nusantara Studies* 6(1): 176–198. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol6iss1pp176-198>
- Norfaezah Mohd Hamidin and Hasliza Talib. 2018. *Kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk*. Selangor, Malaysia: Penerbit Kolej Universiti Islam Antarabangsa.
- Ruslan Uthai. 2011. *Keistimewaan dialek Melayu Pattani*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi A.H., Mohamad Firdaus Azaharuddin, Rahim Aman, Muhamad Syahmi Shabri. 2020. Pemetaan isoglos varian dialek Terengganu berasaskan aplikasi sistem maklumat geografi. *Geografia Online™ Malaysian Journal of Society and Space* 16(4): 179–196. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1604-13>
- Siti Noraini Hamzah. 2018. Penyebaran leksikal dan bunyi dalam dialek Melayu di Perak: Analisis geolinguistik. PhD diss., Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teerarojanarat, S. and Tingsabadh, K. 2011. A GIS-based approach for dialect boundary studies. *Dialectologia* 6: 55–75.
- Worawit, B. 1999. Dasar kerajaan dan kesannya terhadap bahasa Melayu di negara Thai. MPhil diss., Universiti Malaya.
- Zaharah Mahmud. 1979. The evolution of population and settlement in the state of Kedah. In *Darulaman essays on linguistic, cultural and socio-economic aspects of the Malaysian state of Kedah*, ed. Asmah Haji Omar, 120–163. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.